

**KESELARASAN TEORI KETAMADUNAN IBN KHALDUN DENGAN KONSEP KELUARGA MALAYSIA*****THE CONFORMITY OF IBN KHALDUN'S THEORY OF CIVILIZATION WITH THE MALAYSIAN FAMILY CONCEPT***Suhaila Abdullah<sup>1\*</sup><sup>1</sup> Pensyarah, Universiti Sains Malaysia, aila@usm.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

**Abstrak**

Ibn Khaldun merupakan ilmuan Islam yang tersohor yang digelar sebagai Bapa Ilmu Kemasyarakatan. Beliau amat terkenal dengan kitab karangannya berjudul *Muqaddimah* yang antaranya membincangkan konsep berkaitan perkembangan dan kesejahteraan sesebuah tamadun. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji dan membincangkan tentang keselarasan teori ketamadunan yang utarakan oleh Ibn Khaldun dengan konsep Keluarga Malaysia yang menjadi aspirasi negara Malaysia masa kini. Metodologi kajian ini terdiri daripada kajian berbentuk kualitatif dan analisis dokumen terhadap kitab *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kajian ini cuba meneliti dan menghubungkan tiga nilai teras iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran termasuklah nilai-nilai di bawah tiga teras berkenaan seperti budaya integriti, amanah, keadilan, bermusyawarah, budaya ilmu, komunikasi berhemah, sikap tanggungjawab, ihsan, saling membantu, memelihara maruah keluarga, sabar, beriman, membudayakan amalan sihat fizikal dan mental, mengekalkan tradisi kekeluargaan, kasih sayang, hormat dan taat dengan teori '*asabiyyah*', '*umran*' dan '*malakah*' yang diutarakan oleh Ibn Khaldun. Dapatan kajian mendapati bahawa konsep 'Keluarga Malaysia' yang bermotifkan agar rakyat dapat menerima persamaan dan perbezaan berdasarkan nilai dan ciri Keluarga Malaysia yang bersifat inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama berusaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup sebagai sebuah keluarga yang utuh sangat adalah amat bertepatan dengan teori ketamadunan yang diutarakan oleh Ibn Khaldun dalam kitab *Muqaddimah* khususnya melalui teori '*asabiyyah*', '*umran*' dan '*malakah*'. Kajian ini memberi impak dari segi memberikan sokongan terhadap usaha kerajaan Malaysia dalam menyuburkan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama menerusi konsep Keluarga Malaysia.

**Kata kunci**Teori, Tamadun, Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, Keluarga Malaysia

**Abstract**

*Ibn Khaldun is a famous Muslim scholar who is well known as the Father of Social Sciences. He is very famous for his book entitled Muqaddimah, which discusses concepts related to the development and well-being of a civilization. The objective of this research is to examine and discuss the conformity of the theory of civilization put forward by Ibn Khaldun with the concept of the Malaysian Family which is the aspiration of the country today. The methodology of this study consists of a qualitative study and document analysis of a book entitled Muqaddimah by Ibn Khaldun. This study tries to examine and connect three core values such as inclusiveness, togetherness, and gratitude, including the values under these three cores such as a culture of integrity, trust, justice, deliberation, knowledge culture, prudent communication, an attitude of responsibility, courtesy, helping each other, preserving family dignity, patience, belief, cultivate healthy physical and mental practices, maintain family traditions, love, respect, and obedience. The finding reveals that the Malaysian Family concept is inspired by the aspiration to ensure that the multi-ethnic group in Malaysia can accept similarities and differences based on the values and characteristics of the Malaysian Family, inclusive across the boundaries of religion and race as it encourages all citizens to come together and strive towards the progress and well-being of all Malaysian as one big family, is very much in line with the theory of civilization expressed by Ibn Khaldun in his Muqaddimah, especially through the theory of 'asabiyyah, 'umran and malakah. This study has an impact on supporting the Malaysian government's initiative to foster unity among multi-racial and multi-religious Malaysians through the Malaysian Family concept.*

**Keywords**

*Theory, Civilization, Ibn Khaldun, Muqaddimah, Malaysian Family*

---

**1. Pengenalan**

Ibn Khaldun (1332–1406) atau nama penuh beliau 'Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn al-Hassan ibn Muhammad ibn Jabir ibn Muhammad ibn Ibrahim ibn 'Abd Rahman ibn Khalid. Beliau terkenal sebagai pemikir ulung dalam bidang kajian ketamadunan khususnya melalui magnum opusnya berjudul *Muqaddimah* apabila beliau merintis teori tentang perkembangan tamadun manusia.

Penghasilan *Muqaddimah* dan keseluruhan jilid *Kitab al-Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Berber wa man 'Asarhum min Dzawi al-Sultan al-Akbar* adalah hasil daripada penglibatan dan pengalaman Ibn Khaldun dalam urusan pentadbiran negara selama lebih kurang 56 tahun. Beliau pernah berkhidmat kepada beberapa orang sultan di al-Maghrib iaitu di Tunisia, Fez dan Bougie serta dilantik sebagai setiausaha kerajaan, ketua delegasi, ketua qadi dan perdana menteri (*hajib*).

Seterusnya Ibn Khaldun juga pernah berkhidmat kepada Sultan Abu 'Abd Allah Muhammad di Granada, Andalus. Selain itu, Ibn Khaldun telah berhijrah ke Mesir semasa pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq dan berkhidmat di Mesir sebagai Ketua

Hakim mazhab Maliki pada tahun 786H dan juga sebagai guru di beberapa buah sekolah iaitu Sekolah Qamhiyyah, Sekolah Zahiriyah Barquqiyyah dan Sekolah Salghatmash. Beliau menghabiskan masanya di Mesir selama 23 tahun (Enan 1941).

Oleh yang demikian, pemikiran dan teori Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* merupakan hasil pengalaman dan pengamatan beliau sendiri. Justeru itu, teori-teori ketamadunan seperti teori *'asabiyyah*, teori *'umran* dan teori *malakah* merupakan gagasan pemikiran Ibn Khaldun yang amat penting untuk diteliti sebagai panduan dalam pentadbiran sesebuah negara.

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan terhadap teori Ibn Khaldun. Antara kajian-kajian mutakhir yang dilakukan oleh Amin W. M. A. M. (2022), Bahri H. S. S. & Musa R. (2022), Ismail N., Aziz M. K. N. A. & Arsani Z. (2021), Zulkufli M. A. (2021), Razak A. Q. A., Sayurno S. S. & Nordin R. (2020), Hamid N. A., Hamat M. F. & Abidin A. Z. (2020), Karim A. K. A. & Suhaini N. (2020) dan banyak lagi kajian yang berkaitan pada tahun-tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, masih belum ada kajian yang mengutarakan perbincangan khusus berkenaan hubungan teori ketamadunan Ibn Khaldun dengan konsep Keluarga Malaysia yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2021. Oleh yang demikian, kajian ini akan menumpukan perbincangan berkaitan keselarasan teori ketamadunan Ibn Khaldun dengan konsep Keluarga Malaysia bagi mengidentifikasi dan mengenal pasti kerelevanan usaha murni kerajaan Malaysia untuk mengukuhkan kesepaduan sosial dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini demi kelangsungan tamadun di Malaysia.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif yang dijalankan menerusi analisis dokumen ke atas jilid pertama bagi *Kitab al-Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Berber wa man 'Asaruhum min Dzawi al-Sultan al-Akbar* berjudul *Muqaddimah* yang dijadikan rujukan utama kajian ini. Analisis dokumen terhadap isu utama yang dikaji dalam kitab *Muqaddimah Ibn Khaldun* ialah seperti berikut:

Rajah 1 : Penelitian dan Analisis Dokumen (Kitab *Muqaddimah Ibn Khaldun*)

|       |                                                                                                 |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1     | tang <i>'umran al-basyari</i> serta kepelbagaian jenis dan bahagian bumi                        |
| Bab 2 | Tentang <i>'umran al-badawi</i> dan laporan kabilah-kabilah dan bangsa-bangsa tidak bertamadun. |
| Bab 3 | Tentang negara, pemerintahan, kekuasaan dan peringkat dalam kerajaan.                           |
| Bab 4 | Tentang <i>'umran al-hadhari</i> dan negara-negara dan bandar-bandar.                           |
| Bab 5 | Tentang pembuatan, cara mendapatkan sumber pencarian, usaha kehidupan dalam pelbagai aspek.     |

Melalui penelitian secara kualitatif dan analisis dokumen ke atas semua bab yang terdapat dalam kitab *Muqaddimah* karangan Ibn Khaldun, kajian ini mengambil teori-teori utama berkaitan pemerintahan sesebuah negara iaitu teori *'asabiyyah*, teori *'umran* dan teori *malakah* sebagai kerangka untuk meneliti keselarasannya dengan konsep Keluarga Malaysia.

Di samping itu, kajian kepustakaan turut diaplikasi bagi meneliti sorotan karya yang berkenaan untuk mengenalpasti dapatan kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Sumber rujukan dari kajian kepustakaan untuk kajian ini terdiri daripada penelitian terhadap karya ilmiah berbentuk artikel jurnal, buku, tesis dan kertas kerja seminar.

### 3. Teori Ketamadunan Ibn Khaldun

Ibn Khaldun merupakan seorang sarjana yang mengkaji sejarah perkembangan tamadun manusia menerusi pendekatan yang sistematik. Meskipun perbincangan dalam kitab *Muqaddimah* tertumpu kepada sejarah yang berlaku dalam kalangan masyarakat Arab, Afrika dan Andalus namun pandangan serta teori yang beliau kemukakan adalah bersifat universal dan sesuai digunakan bagi meneliti tamadun lain di seluruh dunia (Toynbee 1962; Sarton 1975). Malah, beliau merupakan individu pertama yang merintis kajian tentang tamadun manusia melalui analisis saintifik (Berghout A. & Berghout Z. 2015). Dalam hal ini Gibb (1982) mengatakan bahawa dalam kitab *Muqaddimah*, Ibn Khaldun melakukan analisis secara terperinci dan mengemukakan hujahan yang bersifat objektif tentang aspek politik, ekonomi dan sosial yang mendasari evolusi tamadun manusia.

#### 3.1 Teori *'Asabiyyah*

Teori *'asabiyyah* diutarakan oleh Ibn Khaldun dalam mengungkapkan tentang semangat kekitaan, solidariti, perpaduan sosial dan kerjasama (*ta'awun*) antara manusia dalam membina tamadun. Perasaan kekitaan ini didasarkan kepada keperluan manusia untuk memenuhi keperluan kehidupan seperti aspek kebendaan, sokongan, perlindungan dan sebagainya. Pada peringkat negara pula, semangat *'asabiyyah* berperanan melahirkan perasaan untuk melantik ketua yang berkuasa dan berupaya membangunkan sebuah pemerintahan (*al-mulk*) dan selanjutnya mewujudkan kedaulatan negara sehingga rakyat sanggup berjuang mempertahankan negara daripada apa juga ancaman (Ibn Khaldun 2000).

Berdasarkan pemikiran Ibn Khaldun, semangat *'asabiyyah* berperanan menimbulkan sikap taat setia, semangat tolong-menolong, bekerjasama, hormat menghormati dan saling memberi sokongan. Selain itu, semangat *'asabiyyah* amat penting dalam menentukan kekuatan sesebuah masyarakat dan tamadun manusia. Semangat *'asabiyyah* mendorong sesebuah masyarakat untuk terus memberikan sokongan kepada pemerintah, bersatu padu mempertahankan negara dan membangunkan ekonomi (Ibn Khaldun 2000).

Secara tidak langsung, dapat dikatakan bahawa teori '*asabiyyah*' yang dibincangkan oleh Ibn Khaldun turut merupakan sebuah teori mengenai kepimpinan dalam sesebuah pemerintahan (Ismail N., Aziz M. K. N. A. & Arsani Z. (2021). Dalam hal ini, Ibn Khaldun berpendapat bahawa seseorang pemimpin bertanggungjawab melaksanakan perintah Allah SWT dan memelihara syariat Islam (Ibn Khaldun 2000). Widayani (2018) berpandangan bahawa walaupun Ibn Khaldun bukanlah menulis tentang ajaran agama Islam namun dalam huraian tentang konsep '*asabiyyah*', Ibn Khaldun kelihatan memberikan penekanan yang lebih terhadap peranan agama terhadap perkembangan sesebuah negara berbanding peranan '*asabiyyah*' itu sendiri. Oleh sebab itu, teori '*asabiyyah*' yang diutarakan Ibn Khaldun bukan hanya merupakan sebuah perasaan kekitaan yang wujud disebabkan keturunan atau pertalian darah akan tetapi ia mencakupi perasaan solidariti yang berpaksikan agama dan juga semangat patriotisme.

Justeru itu, '*asabiyyah*' sebenarnya turut berperanan mewujudkan budaya integriti, amanah, bertanggungjawab, keadilan, kesaksamaan, bermusyawarah, komunikasi berhemah, ihsan, saling membantu, memelihara maruah keluarga, kasih sayang, hormat dan taat. Bahri H. S. S. & Musa R. (2022) dan Widayani (2018) memetik pandangan Ibn Khaldun dengan menjelaskan bahawa sesebuah kekuasaan tidak dapat diwujudkan tanpa solidariti sosial dan sokongan kuat dari kelompok yang mempunyai semangat '*asabiyyah*', bahkan golongan tersebutlah yang merupakan tonggak kerajaan.

Berdasarkan kajian terhadap teori Ibn Khaldun, Zakaria (2015) pula menghujahkan bahawa tujuan sebenar '*asabiyyah*' seperti yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*nya ialah untuk mewujudkan perlindungan, mengukuhkan pertahanan, bertindak sebagai kawalan yang baik, mempertahankan hak dan menjauhi kezaliman. Sehubungan dengan itu, sekiranya penghayatan agama dan semangat '*asabiyyah*' menjadi lemah, ia boleh mengakibatkan berlakunya musibah dalam sesebuah pemerintahan.

### **3.2 Teori '*Umran*'**

Teori '*umran*' yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* pula merujuk kepada kehidupan manusia itu sendiri yang diistilahkan sebagai '*umran al-basyari*'. Pada bab satu kitab *Muqaddimah* lagi, Ibn Khaldun telah menerangkan tentang sifat '*umran*' pada penciptaan manusia dengan segala ciri semulajadi yang membentuk kerjasama antara satu sama lain dalam memenuhi segala aspek keperluan kehidupan (Ibn Khaldun 2000). Dalam pada itu, Beg M. A. J. (1978) menyatakan bahawa istilah '*umran*' juga merujuk kepada kawasan penempatan manusia.

Semasa menjelaskan tentang teori ketamadunannya, Ibn Khaldun menyifatkan sejarah sebagai satu wacana berkaitan kehidupan manusia secara keseluruhannya

yang beliau istilahkan sebagai *'umran al-'alam'*. Selanjutnya, Ibn Khaldun menerangkan tentang istilah *'umran* yang beliau kaitkan sebagai sifat semulajadi manusia sebagai 'insan madani' yakni yang berperadaban tinggi dan mencapai tahap kemakmuran hidup (Ibn Khaldun 2000). Menerusi teori *'umran*, Ibn Khaldun menghuraikan hubungan di antara manusia, alam dan Yang Maha Pencipta. Malah, dalam halaman awal kitab *Muqaddimah* lagi Ibn Khaldun telah menegaskan bahawa Allah SWT menciptakan kewujudan manusia di muka bumi dengan sifat semulajadi untuk memakmurkan alam semesta (Ibn Khaldun 2000).

Perbincangan Ibn Khaldun berkaitan teori *'umran* dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu *'umran badawi* dan *'umran hadhari* yang merujuk kepada dua tahap pencapaian manusia semasa membangunkan peradabannya. Menurut Ibn Khaldun, masyarakat berperadaban tinggi yang telah mencapai tahap *'umran* dan kemakmuran hidup biasanya terdiri daripada masyarakat yang berbudi bahasa, bersikap halus dan sopan serta mempunyai nilai-nilai akhlak yang mulia (Ibn Khaldun 2000).

Dalam hal ini, Ibn Khaldun menegaskan bahawa perlunya wujud keseimbangan dalam usaha manusia memenuhi keperluan semulajadinya secara jasmani, rohani, spiritual dan dalam menunaikan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi (Ibn Khaldun 2000; Kamali 2013). Kemakmuran dicapai dalam kehidupan di desa dan juga dalam kehidupan masyarakat di kota apabila manusia dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni, berkerjasama dan mempunyai segala keperluan asasi yang diperlukan dalam kehidupan. Malah, bagi masyarakat yang berada dalam suasana kehidupan berbentuk perbandaran dan di kota-kota, selain menikmati kehidupan yang aman, selesa dan mempunyai keperluan kehidupan yang mewah, mereka juga berupaya membangunkan sistem pentadbiran negara, ekonomi, pendidikan dan jaringan sosial yang utuh.

Selanjutnya, Ibn Khaldun juga membincangkan tentang teori *'umran al-'alam* yang beliau sifatkan sebagai peringkat *'umran* yang tertinggi dalam kehidupan manusia. Ia merujuk kepada kelestarian kehidupan manusia secara sejagat apabila manusia melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi dengan sentiasa menyeru kepada kebaikan dan menegah daripada keburukan (Ibn Khaldun 2000). Ini termasuklah sikap manusia dalam memakmurkan kehidupan masyarakat, melaksanakan ajaran agama dan memastikan kelestarian alam yang merupakan amanah Allah SWT ditadbir dengan penuh rasa amanah dan bertanggungjawab. Menurut Razak A. Q. A. et al. (2020) Ibn Khaldun turut menganjurkan hubungan baik dengan negara lain bagi mengukuhkan ekonomi, politik dan hubungan sosial.

Sehubungan dengan itu, Abidin (2009) menyifatkan bahawa kerangka asas bagi teori *'umran* adalah bertunjangkan kepercayaan terhadap sifat *iradah* Allah SWT dan kaitannya dengan konsep sebab-akibat dan *sunnatullah*. Walau bagaimanapun, konsep *sunnatullah* yang diutarakan oleh Ibn Khaldun bersama dengan teori ketamadunannya itu tidak menyebabkan penolakan terhadap konsep usaha dan ikhtiar manusia. Sebaliknya ia menganjurkan agar manusia terus berusaha dan

berikhtiar membangunkan kehidupan di samping bertawakkal dan redha dengan segala ketentuan-Nya.

### 3.3 Teori *Malakah*

'*Malakah*' ialah perkataan dari bahasa Arab yang bermaksud 'yang tertanam dalam fitrah diri manusia' (*sifatun rasikhatun al-nafs*) atau rasa kesediaan khusus untuk menerima pekerjaan tertentu iaitu kemahiran (Ibn Khaldun 2000:319).

Dalam teori ketamadunannya, Ibn Khaldun menggunakan istilah '*malakah*' yang bermaksud 'kemahiran' dalam pelbagai aspek kehidupan meliputi aspek jasmani dan rohani manusia. Antaranya ialah kemahiran atau kearifan dari segi akidah (*malakah imaniyyah*), kemahiran kerohanian (*malakah ruhiyyah*), kemahiran ilmu (*malakah ilmiyyah*), dan kemahiran bahasa (*malakah lisaniyyah*) (Ibn Khaldun 2000; El-Muhammady 2008). Selain itu, Ibn Khaldun turut menggunakan istilah *malakah* sebagai merujuk kepada bakat kepimpinan seseorang (Junaini S. N. 2004).

Menurut Ibn Khaldun, *malakah* ialah 'ilmu' memandangkan ia berkait rapat dengan makna kemahiran atau kebijaksanaan, kebiasaan atau adat yang melibatkan perbuatan dan pemikiran (Ibn Khaldun 2000; Amin 2022). Oleh itu, beliau menjelaskan bahawa sesuatu pekerjaan yang dilakukan secara berulang-ulang akan tertanam dengan baik dalam fikiran seseorang individu atau ahli masyarakat sehingga menjadi satu bentuk kemahiran (*malakah*) (Ibn Khaldun 2000).

Oleh yang demikian, *Malakah* mempunyai dua ciri penting iaitu pertama, ia adalah sesuatu yang melibatkan perbuatan fizikal, dan kedua, ia merupakan suatu tindakan yang telah bertukar menjadi amalan atau adat kebiasaan yang tertanam dalam fikiran seseorang hasil daripada latihan dan perbuatan yang berulang (Ibn Khaldun 2000; El-Muhammady 2008). Dalam kata lain, istilah *malakah* merujuk kepada kemahiran yang telah bertukar menjadi kebiasaan seseorang individu kerana latihan yang khusus dan berulang.

Dalam pada itu, Ibn Khaldun berpandangan bahawa *malakah* terserlah apabila semakin berjaya sesebuah tamadun dan semakin bertambah kuantiti dan kualiti seni, pertukangan dan kraf (Abdullah 2014). Ibn Khaldun mengambil contoh masyarakat di Tunis dan Andalus yang telah mencapai tahap kehidupan bertamadun tinggi dan keadaan tersebut membuka ruang kepada perkembangan seni, pertukangan dan kraf kerana ketekalan tradisi yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi selama berabad-abad (Ibn Khaldun 2000; Aziz al-Azmeh 1982). Sehubungan dengan itu, Amin (2022) menjelaskan bahawa kraf adalah satu amalan kebiasaan yang dijelmakan menerusi ilmu dan pemikiran yang mendalam sehingga mencapai mutu yang tinggi. Ketinggian ilmu dan mutu sesuatu kraf merupakan antara ciri yang menyumbang kepada kecemerlangan dan ketinggian tamadun manusia.

#### 4. Keselarasan Teori Ketamadunan Ibn Khaldun dengan Konsep Keluarga Malaysia

Berdasarkan aspirasi untuk mengukuhkan perpaduan dan kelangsungan tamadun, bermula pada tahun 2021 kerajaan Malaysia telah memperkenalkan satu gagasan yang dikenali sebagai konsep Keluarga Malaysia bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai positif dan keakraban sebagai sebuah keluarga dalam kalangan seluruh rakyat yang terdiri daripada masyarakat pelbagai agama dan kaum. Istilah 'keluarga' digunakan sebagai menunjukkan hasrat kerajaan agar rakyat merasa diri mereka sentiasa dihargai dan penting seperti ahli keluarga. Elemen kekeluargaan memberikan rasa selamat, yakin, rasa disayangi, diutamakan dan tidak berseorangan lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran kehidupan, masalah ekonomi dan juga wabak penyakit COVID-19 yang memberikan kesan mendalam kepada golongan yang terlibat.

Hal ini bertepatan dengan ajaran Islam yang menegaskan bahawa keluarga merupakan asas terpenting dalam membangunkan sesebuah masyarakat dan tamadun. Tanpa keluarga yang sakinah, pembentukan kehidupan bermasyarakat pada skala yang lebih besar seperti mewujudkan bangsa dan negara yang aman damai, harmoni dan makmur sukar dicapai. Bermula dari institusi keluargalah modal insan berkualiti dibentuk dan dipupuk sehingga mereka berupaya memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan negara (Abdullah 2014; Falah A. 2018).

Berdasarkan penelitian secara analisis dokumen ke atas beberapa tema yang dibincangkan oleh Ibn Khaldun (2000) di dalam kitab *Muqaddimah*nya, kajian ini mendapati bahawa teori ketamadunan yang utarakan oleh Ibn Khaldun iaitu teori '*asabiyyah*, '*umran* dan '*malakah* adalah selaras dengan konsep Keluarga Malaysia yang diusahakan oleh pihak kerajaan Malaysia dengan visi untuk memulihkan negara, mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi serta kalis cabaran masa hadapan. Konsep Keluarga Malaysia ini antara lain menyeru agar seluruh rakyat mengetepikan perbezaan dalam memulihkan semula negara dan sama-sama menggembeleng tenaga dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19 dan dalam merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Berdasarkan tiga nilai teras iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran, konsep Keluarga Malaysia memberi tumpuan kepada beberapa nilai di bawah tiga teras tersebut seperti budaya integriti, amanah, keadilan, bermusyawarah, budaya ilmu, komunikasi berhemah, sikap tanggungjawab, ihsan, saling membantu, memelihara maruah keluarga, sabar, beriman, membudayakan amalan sihat fizikal dan mental, mengekalkan tradisi kekeluargaan, kasih sayang, hormat dan taat. Nilai-nilai ini bertepatan dengan nilai yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun di dalam kitab *Muqaddimah*nya.

Jelasnya, nilai seperti budaya integriti, amanah, keadilan, musyawarah, komunikasi berhemah, sikap tanggungjawab, ihsan, saling membantu, memelihara maruah keluarga, sabar, beriman, membudayakan amalan sihat fizikal dan mental, mengekalkan tradisi kekeluargaan, kasih sayang, hormat dan taat adalah selaras dengan nilai-nilai yang diperkatakan oleh Ibn Khaldun menerusi teori '*asabiyyah* dan teori '*umran*.


Sementara itu, nilai-nilai seperti budaya ilmu pula selari dengan teori '*malakah* dan teori ilmu pengetahuan yang dihuraikan oleh Ibn Khaldun. Malah, Ibn Khaldun berpandangan bahawa pendidikan yang diberikan kepada anak-anak sejak kecil perlu menumpukan kepada pendidikan agama, pembentukan akhlak mulia, keperibadian tinggi di samping menerapkan kemahiran dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan termasuklah ilmu agama ('*ilm naqliyyah*) dan ilmu-ilmu umum yang lain ('*ilm aqliyyah*) (Abdullah S. & Othman M. S. 2017).

Sementara itu, visi Keluarga Malaysia yang berfokuskan kepada usaha untuk memulihkan negara, mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi serta kalis cabaran masa hadapan adalah sebuah matlamat yang perlu diusahakan dan dijayakan secara bersama oleh pihak pemerintah dan rakyat jelata sebagai sebuah keluarga besar yang saling memberikan sokongan.

Bertitik tolak daripada hakikat bahawa Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, maka konsep Keluarga Malaysia adalah bersifat inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum. Ia menyeru agar seluruh rakyat Malaysia saling berkerjasama dan sama-sama berusaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup sebagai sebuah keluarga yang utuh. Dalam hal ini, menerusi konsep Keluarga Malaysia kerajaan berharap agar rakyat dapat menerima persamaan dan perbezaan berdasarkan nilai dan ciri Keluarga Malaysia dan sama-sama menghayati Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Sehubungan dengan itu, keselarasan konsep Keluarga Malaysia dengan konsep ketamadunan yang diutarakan oleh Ibn Khaldun dapat dirangkumkan seperti dalam rajah 2 berikut:

Rajah 2 : Keselarasan Teori Ketamadunan Ibn Khaldun dan Konsep Keluarga Malaysia



Dapatan kajian ini secara tidak langsung mengukuhkan teori Ibn Khaldun yang menyatakan bahawa tamadun dibina hasil daripada kerjasama antara manusia dan penyertaan mereka dalam proses sosiobudaya-politik yang dijalankan melalui etika dan akhlak yang baik. Sehubungan dengan itu, Ibn Khaldun pernah menegaskan bahawa tamadun tidak boleh dicapai melalui paksaan sebaliknya ia perlu dicapai melalui kesepakatan sesama manusia.

Pembentukan modal insan turut dibahaskan oleh Ibn Khaldun di dalam *Muqaddimah*. Ia melibatkan bukan sahaja pembangunan modal insan dari segi intelektual semata-mata akan tetapi turut melibatkan aspek pembangunan dari segi kerohanian dan spiritual (Sahad et al. 2015; Falah A. 2018). Oleh itu, Ibn Khaldun menyarankan agar penguasaan pelbagai disiplin ilmu (Ibn Khaldun 2000; Amin 2022), kemahiran berfikir aras tinggi (Zulkufli, 2021), nilai-nilai murni dan budaya hidup yang positif perlu diterapkan dalam diri individu dan disemai dalam jiwa setiap ahli masyarakat (Abdullah 2018).

Justeru itu, pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia dengan memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia adalah sangat relevan dengan usaha kerajaan untuk menyemai ikatan kasih sayang, semangat berkerjasama, bertoleransi, bermuafakat dalam seluruh ahli masyarakat seperti sebuah ahli keluarga yang besar. Jelasnya, pendekatan yang diusahakan oleh kerajaan Malaysia ini amat bertepatan dengan teori ketamadunan yang diutarakan oleh tokoh ilmunan Muslim tersohor yang digelar sebagai Bapa Ilmu Kemasyarakatan iaitu Ibn Khaldun dalam kitabnya yang masyhur berjudul *Muqaddimah*.

## 5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kajian ini memberi sumbangan kepada pihak kerajaan Malaysia dan badan-badan pentadbiran yang berkaitan untuk meneruskan pelaksanaan agenda Keluarga Malaysia yang sememangnya amat penting untuk dijayakan. Hal ini kerana kajian ini mendapati bahawa konsep Keluarga Malaysia yang diusahakan oleh kerajaan Malaysia adalah selaras dengan teori ketamadunan yang diutarakan oleh Ibn Khaldun menerusi karya tersohor beliau yang berjudul *Muqaddimah*.

Kajian ini turut meneguhkan kepentingan nilai-nilai yang terangkum dalam tiga teras utama konsep Keluarga Malaysia iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran sebagai elemen penting yang perlu dititikberatkan demi memastikan kemakmuran negara Malaysia dapat terus dipertahankan dan diperkukuhkan. Tambahan pula, elemen-elemen tersebut amat selari dengan pemikiran ketamadunan yang dibincangkan secara panjang lebar oleh Ibn Khaldun dalam kitab *Muqaddimah* khususnya melalui teori *'asabiyyah*, *'umran* dan *malakah*.

Dalam pada itu, penggembleran lima prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan ke dalam konsep Keluarga Malaysia dapat diibaratkan sebagai tiang seri bagi sebuah Keluarga Malaysia yang besar. Oleh yang demikian, 20 pengkayaan nilai termasuklah penekanan kepada budaya integriti, amanah, bertanggungjawab dan keadilan sewajarnya direalisasikan sebagai teras pengukuhan keluarga Malaysia .

Sehubungan dengan itu, hala tuju strategik Keluarga Malaysia yang menfokuskan kepada usaha pemulihan negara dapat menjana semangat kerjasama seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu menjayakan segala perancangan termasuklah usaha memulihkan ekonomi, meningkatkan tahap kesihatan, pengawalan jangkitan akibat penularan pandemik Covid-19, merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan sebagainya.

Dengan sokongan yang tidak berbelah bagi dari semua pihak dalam menerapkan perasaan kekeluargaan dalam kalangan pemimpin dan seluruh rakyat agar saling sokong-menyokong serta bantu-membantu, negara Malaysia mampu untuk berdepan dengan segala cabaran dan berganding bahu dalam menangani krisis ekonomi dan masalah kesihatan akibat wabak yang melanda demi meraih kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan serta memperkukuhkan tamadun ke arah pencapaian yang lebih cemerlang.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan Geran Insentif (Penyelidikan) Staf Akademik PPIK Tahun 2020, Universiti Sains Malaysia.

## Rujukan

Abdullah, S. (2018). Ibn Khaldun's theory of good governance in achieving civilization excellence. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 1321–1333.

Abdullah, S. (2014). Preserving the iron craftsmanship in Pekan Darat based on theory of *malakah* by Ibn Khaldun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Vol. 7. No. 2. 212-230.

Abdullah, S. (2014). Ibn Khaldun's discourse on the importance of knowledge and ethics in youth human capital development. *Journal of Human Development and Communication*, Vol. 3. 59-77.

Abdullah, S. & Othman, M. S. (2017). Al-Quran sebagai sumber pembangunan tamadun berdasarkan perspektif Ibn Khaldun dalam mendepani cabaran semasa. *Jurnal Peradaban*. Vol. 2. 1-19.

Abidin, A. Z. Kajian kemasyarakatan dan ketamadunan (ilmu 'umran) menurut perspektif usuluddin: Tumpuan analitis terhadap Muqaddimah Ibn Khaldun. Dalam Baharuddin, A. et al (2009). *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun & relevansinya dalam tamadun kontemporari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya & Universiti Putra Malaysia. 171-208.

al-Azmeh, A. (1982). *Ibn Khaldun: An essay in reinterpretation*. London: Frank Cass and Company Limited.

Amin, W. M. A. M. (2022). Ibn Khaldun's concept of science of crafts ('Ilm al-sana'i') and the discourse of the integration of knowledge. *Al-Itqan – Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies*. 6(1), 31–48.

Bahri, H. S. S. & Musa, R. (2022). Konsep asabiyah menurut Ibnu Khaldun. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin. 145-156.

Beg, M. A. J. (1978). Konsep Tamadun Islam menurut Tamadun Islam dan Barat. *Islamiyyat*, Vol. 2, 37-61.

Berghout, A. & Berghout, Z. (2015). The pattern of cycle of civilization: Resemblance between Ibn Khaldun and Malik Bennabi's views. *Journal of Islam in Asia*. Vol. 12. No. 1. 228-245.

El-Muhammady, M. U. (2008). Building the human capital in Malaysia in the context of *malakah* in Khaldunian discourse. *Seminar Pembangunan Insan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

- Enan, M. A. (1941). *Ibn Khaldun: His Life and Works*. Lahore: M. Ashraf.
- Falah, A. (2018). Konsep pendidikan anak menurut Ibnu Khaldun (Studi Atas Kitab Muqaddimah). *ThufuLA Jurnal Inovasi Pendidikan Guru Raudhatul Athfal*, 83-110.
- Gibb, H. A. R. (1982) *Studies on the civilization of Islam*. New Jersey: Princeton.
- Ibn Khaldun. (2000). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun. (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to history*. Franz Rosenthal (trans.). London: Routledge & K. Paul.
- Hamid, N. A., Hamat, M. F., Abidin, A. Z. (2020). Studies on Ibn Khaldun by Muslim scholars in Malaysia, *Afkar*, Special Issue 2, 79-106.
- Ismail, N., Aziz, M. K. N. A. & Arsani, Z. (2021). Idea pembentukan pemerintahan Ibn Khaldun dan asas pembinaan Kesultanan Melaka dari kurun ke-15 hingga 16. *Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 16 (2), 31-47.
- Junaini, S. N. (2004). Pemikiran Ibnu Khaldun dari perspektif kepemimpinan ummah dalam era revolusi maklumat. *Kertas kerja*. Seminar pemikiran Ibnu Khaldun III, 17-18 September 2004, Kuching, Sarawak, Malaysia. 1-16.
- Kamali, M. H. (2013). The religious thrust of Islamic civilisation. *Islam and civilisational renewal*. Vol. 4(4), 634-638.
- Karim, A. K. A. & Suhaini, N. (2020). Kepentingan teori dan ilmu sosiologi dalam konteks pendidikan menurut perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, Vol. 1, 41-53.
- Razak, A. Q. A., Sayurno, S. S. & Nordin, R. (2020). The 'Umranic thoughts of Ibn Khaldun and its contributions to the studies of Islamic sociology and civilization. *Afkar*, Special Issue 1, 113-136.
- Sahad, M. N., Abdullah, S & Saari, C. Z. (2015). Kemahiran modal insan: Analisis terhadap pemikiran Ibnu Khaldun di dalam *al-Muqaddimah*. *Umrans: Journal of Muslim Affairs*. Selangor: YADIM & Universiti Putra Malaysia, Vol. 1. No. 2. 49-96.
- Sarton, G. (1975). *Introduction to the history of science vol III: Science and learning in the fourteenth century*. New York: Robert E. Krieger Publishing Company
- Toynbee, A. J. (1962). *A study of history*. Vol. III. New York: Oxford University Press.
- Zakaria, I. Hubungan politik dan agama. Dalam Long A. S. (ed.) (2015). *Falsafah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). 85-99.
- Zulkufli, M. A. (2021). Malakah al-fikr menurut pemikiran Ibn Khaldun: kajian terhadap

amalan KBAT guru pendidikan Islam dalam pengajaran di sekolah rendah. *Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

**JAWATANKUASA JURNAL PENGAJIAN ISLAM**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.  
<http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/>